

**PENGURUSAN KOKURIKULUM DI TIGA BUAH SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA TINGGI**

ZAHURUL HAQ BIN ABU BAKAR

**Laporan kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)**

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

JUN, 2013

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia tesis, Prof. Madya Dr. Yusof Boon yang telah banyak memberi nasihat, bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar tanpa rasa jemu. Sesungguhnya, beliau bukan sahaja bertindak sebagai penyelia tetapi juga sebagai tulang belakang dalam menghasilkan sebuah kajian yang baik.

Setinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada bonda tersayang iaitu Hajah Rokiah binti Kornain serta isteri yang dicintai iaitu Norisma binti Che Ismail yang banyak memberi dorongan sehingga penulis berjaya menyempurnakan kajian ini. Pengorbananmu ku sanjung tinggi. Buat semua permata hatiku, Nur Adriana Alya, Nur Batrisya Zahra dan Muhammad Zaris Hayqal, ini merupakan langkah terbesar yang Papa telah laksanakan bagi menjadi contoh kepada kamu untuk menggapai impian pada masa hadapan.

Kepada semua rakan kuliah MPA Bandar Penawar Kota Tinggi, terima kasih di atas sokongan, galakan dan kritikan membina yang diberikan kepada penulis kerana melalui sokongan anda semua maka terhasilnya kajian ini.

Kerjasama daripada barisan pentadbir sekolah-sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini amatlah dihargai. Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu projek penyelidikan ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengetahui pengurusan kokurikulum di tiga buah sekolah menengah daerah Kota Tinggi, Johor. Beberapa perkara menjadi fokus dalam kajian ini iaitu tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah. Kajian ini turut melibatkan seramai 15 orang guru di sebuah sekolah yang menjadi sampel bagi kajian rintis manakala seramai 90 orang guru daripada tiga buah sekolah menengah telah menjadi sampel kajian. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian kuantitatif. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 16.0 dengan ujian statistik diskriptif seperti ujian-t. Kajian ini memfokus kepada tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Kajian juga dilakukan untuk mengenalpasti demografi guru seperti jantina, kaum dan jawatan dalam sesuatu persatuan atau kelab kokurikulum di sekolah. Kajian juga dilakukan untuk melihat perbezaan tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum. Dapatan kajian memperlihatkan tahap pengetahuan guru adalah tinggi di samping sikap guru yang positif dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Kajian turut mendapati bahawa masalah yang dialami guru berada pada tahap yang sederhana. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru terhadap aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum. Selain itu, kajian mendapati terdapat perbezaan sikap guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum. Dapatan kajian turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan masalah guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum. Sehubungan dapatan kajian yang diperoleh ini maka beberapa cadangan telah dikemukakan sebagai panduan kepada kajian yang akan dilakukan pada masa hadapan.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify teacher's knowledge, attitude and problem towards the implementation of extra co curriculum activities in secondary school in Kota Tinggi, Johor. A sample of 15 secondary teachers from one neighbourhood school has been selected for pilot test while the actual survey was conducted in three secondary school in which 90 teachers were selected as a sample. A set of questionnaire was used as a quantitative survey instrument. Data collected was analyzed using SPSS version 16.0 which involved descriptive and inferential statistic such as t-test. This study was focused on the level of teacher's knowledge, attitude, and problem towards the implementation of co curriculum activities. The study was also conducted to identify teacher's demography such as gender, race and position in co curriculum unit in school. Furthermore the study was conducted to identify the differences in the level of teacher's knowledge, attitude and problem towards the implementation of co curriculum activities through gender and race. The finding revealed that teacher's knowledge and attitude were high and positive. The study also found that teacher's problem was average. The study also revealed that there were no difference in teacher's knowledge level towards the implementation of co curriculum activities in gender and race. On the other side, the study found that there were differences on teacher's attitude level towards the implementation of co curriculum activities in gender and race. The study also shown that there were no differences on teacher's problem towards the implementation of co curriculum activities in gender and race aspect. In line with research findings, several recommendations were put forwards as guides towards other research.

KANDUNGAN

BAB PERKARA	HALAMAN
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	i
PENGESAHAN PENYELIA	ii
HALAMAN JUDUL	iii
PENGAKUAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN DAN LAMBANG	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Masalah	2
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	3

1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Hipotesis	5
1.6	Kerangka Teori/Model	5
1.7	Kerangka Kajian	6
1.8	Kepentingan Kajian	6
1.9	Batasan Kajian	7
1.10	Prosedur Kajian	7
1.11	Definisi Istilah/Operasional	8
1.12	Penutup	10
2	SOROTAN KAJIAN	
2.0	Pengenalan	11
2.1	Teori/Model	11
2.2	Kajian Terdahulu	14
2.	Penutup	15

3	METODOLOGI	
3.0	Pengenalan	17
3.1	Reka Bentuk Kajian	17
3.2	Lokasi Kajian	18
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	18
3.4	Instrumen Kajian	19
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	21
3.6	Analisis Data	21
3.7	Kajian Rintis	22
3.8	Penutup	23
4	ANALISIS DATA	
4.0	Pengenalan	24
4.1	Profil Responden	25
4.2	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian	26
4.3	Penutup	36

5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	37
5.1	Rumusan	37
5.2	Perbincangan	39
5.3	Cadangan	45
5.4	Penutup	46
	RUJUKAN	47
	LAMPIRAN	49

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.0	Taburan Soalan Dalam Soal Selidik	20
3.1	Panduan Skor Item	20
3.6	Ujian Statistik Diskriptif	22
4.1	Profil Responden	25
4.2	Pengetahuan Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum	27
4.3	Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum	29
4.4	Masalah Guru Dalam Melaksanakan Aktiviti Kokurikulum	31
4.5	Ujian-t Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	32

4.6	Ujian-t Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	32
4.7	Ujian-t Perbezaan Sikap Guru Dalam Melaksanakan Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	33
4.8	Ujian-t Perbezaan Sikap Guru Dalam Melaksanakan Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	34
4.9	Ujian-t Perbezaan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Aktiviti Kokurikulum Mengikut Jantina	34
4.10	Ujian-t Perbezaan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Aktiviti Kokurikulum Mengikut Kaum	35

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.0	Kerangka Kajian	6
2.0	Carta Organisasi Pengurusan Kokurikulum	13

SENARAI SINGKATAN DAN LAMBANG

- Ho - Hipotesis Nol
- KPM - Kementerian Pelajaran Malaysia
- EPRD - Bahagian Perancangan dan
Penyelidikan Dasar Kementerian
Pelajaran Malaysia
- SMK - Sekolah Menengah Kebangsaan
- PKG - Pusat Kegiatan Guru
- SPSS - *Statistical Packages For The Social
Science*
- Bil - Bilangan
- No. - Nombor
- α - Alpha
- f - Frekuensi
- % - Peratus

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Instrumen Soal Selidik	49
B	Surat Pengesahan Status Tesis	54
C	Surat Pengesahan Pusat Pengajian	56
D	Analisis Kajian Rintis	57
E	Analisis Kajian Sebenar	59

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Unit kokurikulum berfungsi sebagai satu unit yang terlibat dalam segala aktiviti pelajar yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Pengurusan kokurikulum di sekolah merangkumi aktiviti-aktiviti berdasarkan tiga unit utama iaitu unit beruniform, persatuan dan kelab serta unit sukan dan permainan yang memerlukan kerjasama antara guru penasihat serta pelajar yang terlibat. Tugas sebagai guru penasihat kelab atau persatuan di sekolah pada hari ini amat mencabar mencakupi keupayaan membentuk disiplin diri dan sahsiah pelajar serta sihat tubuh badan dan akal fikiran bagi mengharungi cabaran hidup.

Peranan guru adalah sama seperti ibu bapa dalam mempersiapkan generasi yang aktif dan berketrampilan seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Loh (1995) menyatakan guru adalah seorang pendidik yang akan mendidik pelajar menjadi insan yang berguna kepada masyarakat. Oleh itu, tugas guru di dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah amat penting melalui

penglibatan diri guru itu sendiri serta pengetahuan yang menyeluruh dalam setiap pelaksanaan aktiviti. Ini seterusnya menarik minat serta keinginan pelajar melakukan setiap aktiviti dengan baik serta mampu memupuk kerjasama serta disiplin diri pelajar.

1.1 Latar Belakang Masalah

Falsafah Pendidikan Kebangsaan memainkan peranan penting dalam menghasilkan keseimbangan perkembangan diri pelajar pada masa kini. Kokurikulum merupakan aktiviti melalui penglibatan pelajar dalam persatuan atau kelab di sesebuah sekolah yang secara umumnya boleh dibahagikan kepada 3 unit utama iaitu Persatuan/kelab akademik bagi setiap matapelajaran, persatuan/kelab unit beruniform dan persatuan/kelab sukan dan permainan. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan, sikap dan masalah yang dihadapi guru dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah. Selain mengenalpasti samada wujud perbezaan tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru mengikut jantina dan kaum di sekolah menengah.

Menurut Aminuddin (2002), matlamat utama pengurusan kokurikulum adalah menyelaraskan semua aspek pentadbiran, latihan, aktiviti penglibatan dan kejayaan keseluruhan supaya dapat dilaksanakan dengan lancar, berkesan dan mencapai objektif yang dirancang. Penyertaan guru amat penting untuk memastikan pelaksanaan aktiviti, namun terdapat sesetengah guru penasihat yang tidak mempunyai kemahiran untuk mengurus dan melaksana kegiatan kokurikulum.

Azizah (1991) menyatakan satu kajian yang dijalankan mendapati salah satu daripada masalah pelaksanaan kokurikulum di sekolah adalah kekurangan guru-guru yang mahir serta tidak terlatih dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan. Ini

menyebabkan guru-guru tidak memberikan komitmen penuh dalam pengurusan kokurikulum.

Guru merupakan orang yang bertanggungjawab dalam mengenalpasti potensi diri pelajar-pelajar yang terhasil melalui aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh pihak sekolah. Maka pengkaji berpendapat guru-guru di sekolah merupakan pencetus utama dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum melalui keupayaan guru tersebut mempertingkatkan pengetahuan diri, sikap serta menyelesaikan masalah yang menghalang pelaksanaan sesuatu aktiviti kokurikulum.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap pengetahuan guru, sikap guru dan masalah-masalah guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah. Kajian ini juga untuk melihat sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru, perbezaan sikap guru serta masalah-masalah yang dihadapi guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

1.3 Objektif Kajian

- i. Mengetahui tahap pengetahuan guru-guru terhadap aktiviti kokurikulum di sekolah.
- ii. Mengetahui sikap guru-guru terhadap aktiviti kokurikulum di sekolah.
- iii. Mengenalpasti masalah-masalah guru dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah.

iv. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru terhadap aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

v. Mengenalpasti sama ada terdapat, perbezaan sikap guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

vi. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan masalah guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

1.4 Persoalan Kajian

Secara khususnya kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan berikut:

i. Apakah tahap pengetahuan guru-guru terhadap aktiviti kokurikulum di sekolah.

ii. Apakah sikap guru-guru terhadap aktiviti kokurikulum di sekolah.

iii. Apakah masalah-masalah guru dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah.

iv. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru terhadap aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

v. Adakah terdapat perbezaan sikap guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

vi. Adakah terdapat perbezaan masalah guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

1.5 Hipotesis

Ho: Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru terhadap aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

Ho: Tidak terdapat perbezaan sikap guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

Ho: Tidak terdapat perbezaan masalah guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mengikut jantina dan kaum.

1.6 Kerangka Teori/Model


Kajian ini dilakukan mengikut kesesuaian Model Pengurusan Kokurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Menurut Bahagian Perancangan Pelajaran, KPM (1980) setiap kegiatan kokurikulum yang dijalankan di sekolah mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua orang guru penasihat dan biasanya terdiri daripada guru-guru sekolah tersebut.

Berdasarkan Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah, KPM (1990) tugas-tugas seorang penasihat kokurikulum adalah seperti berikut:

- i. Merancang Takwim kegiatan kokurikulum.
- ii. Merancang anggaran belanjawan mengurus Kelab dan Persatuan, Unit Beruniform, Sukan dan Permainan.
- iii. Mengurus dan memilih peserta untuk kegiatan kokurikulum.
- iv. Merancang aktiviti kokurikulum.

- v. Menyelaras aktiviti kokurikulum di dalam dan di luar sekolah.
- vi. Menyediakan dan mengemaskini data-data penyertaan pelajar.
- vii. Merekod kejayaan yang dicapai oleh pelajar dan unit kokurikulum.
- viii. Membuat penilaian dalam buku rekod kokurikulum.

1.7 Kerangka Kajian



Rajah 1.0: Kerangka Kajian

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan menentukan faktor-faktor yang memungkinkan keberkesanan perjalanan pengurusan kokurikulum di sekolah khasnya faktor yang terhasil daripada diri guru-guru yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti bersama pelajar. Tahap pengetahuan yang khusus oleh guru penasihat persatuan, sikap guru

dalam melaksanakan aktiviti serta masalah yang dihadapi guru-guru dalam menyediakan pelajar yang cemerlang melakukan aktiviti luar bilik darjah.

Selain itu, hasil kajian ini diharap dapat menunjukkan perbezaan tahap pengetahuan, sikap dan masalah yang dihadapi mengikut jantina dan kaum guru itu sendiri dalam menzahirkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menghasilkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, intelek dan sahsiah diri yang tinggi.

Proses pengurusan kokurikulum memerlukan kerjasama semua guru di sekolah dan sewajarnya guru-guru menyediakan diri dengan segala ilmu yang berkaitan dengan persatuan dan kelab masing-masing demi kemajuan diri serta pelajar yang disulahi dengan ilmu yang sebenar.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah luar bandar di daerah Kota Tinggi, Johor. Sampel kajian terdiri daripada guru-guru lelaki dan perempuan berbilang kaum di tiga buah sekolah tersebut. Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian ini hanyalah mewakili golongan sekolah tertentu sahaja dan tidak mewakili keputusan bagi semua guru di sekolah-sekolah lain serta data yang diperolehi daripada responden adalah secara jujur dan ikhlas.

1.10 Prosedur Kajian

Kajian ini dilakukan melalui tatacara dan mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (EPRD) Kementerian Pelajaran Malaysia,

Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat iaitu SMK Adela, SMK Tanjung Datuk dan SMK Tanjung Pengelih di daerah Kota Tinggi.

1.11 Definisi Istilah/Operasional

1.11.1 Pengurusan

Pengurusan adalah satu set aktiviti yang direkabentuk untuk mencapai objektif organisasi dengan menggunakan sumber-sumber secara efisien dan efektif dalam persekitaran yang sentiasa berubah-ubah (Gatewood, 1995).

Dalam kajian ini pengurusan bermaksud melakukan aktiviti penetapan matlamat aktiviti kokurikulum, perancangan aktiviti kokurikulum, pelaksanaan serta penilaian secara berkesan dalam setiap aktiviti yang disertai guru dan pelajar.

1.11.2 Kokurikulum

Kokurikulum merupakan aktiviti dan pengalaman pembelajaran yang dirancang dan dibimbing oleh sesuatu institusi pendidikan untuk mencapai sesuatu tujuan (Kerr,1971). Ini merangkumi segala aktiviti di luar kelas atau bilik darjah yang merupakan kesinambungan daripada pembelajaran bagi setiap matapelajaran atau kurikulum yang dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Dalam kajian ini kokurikulum bermaksud segala aktiviti yang dilakukan di luar bilik darjah.

1.11.3 Guru

Wan Mohd Zahid (1994 : 84) menyatakan guru atau pendidik merupakan tunjang dan pelaksana untuk menjayakan reformasi pendidikan pembangunan sumber manusia dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Juga boleh dinyatakan sebagai individu yang bertanggungjawab untuk memastikan peningkatan dalam pencapaian, mengenalpasti potensi dan kemajuan pelajar melaksana aktiviti kokurikulum.

Dalam kajian ini guru bermaksud individu yang dilantik untuk memegang amanah serta tugas sebagai penasihat dalam sesuatu unit kokurikulum di sekolah

1.11.4 Pengetahuan

Knowledge sebagai gabungan pengalaman, nilai dan pemerhatian yang menghasilkan rangka untuk menilai dan membentuk sesuatu *knowledge* dan maklumat yang baru (Davenport dan Prusak, 1998)

Dalam kajian ini pengetahuan adalah kesediaan dan keupayaan pemikiran individu untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum serta mencapai matlamat aktiviti secara terancang.

1.11.5 Sikap

Bentuk tubuh, potongan badan, tokoh, gaya berdiri, perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat atau fikiran (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)

Dalam kajian ini sikap didefinisikan sebagai perlakuan atau perasaan guru dalam melakukan aktiviti kokurikulum.

1.11.6 Masalah

Sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran, soalan atau kenyataan yang memerlukan penyelesaian biasanya dengan beberapa perkiraan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005)

Dalam kajian ini masalah guru didefinisikan sebagai halangan-halangan yang ditempuhi oleh guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.

1.12 Penutup

Melalui kajian ini, pengkaji cuba untuk melihat samada tahap pengetahuan guru terhadap aktiviti kokurikulum, sikap guru-guru serta mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah, pengkaji juga ingin melihat samada terdapat atau tidak hubungan di antara tahap pengetahuan guru, sikap serta masalah yang di hadapi mengikut jantina dan kaum.

Guru-guru sekolah merupakan pelaksana dasar dalam merealisasikan satu bentuk pengurusan kokurikulum yang berkesan dan cekap. Sewajarnya guru-guru menyediakan diri dengan pengetahuan yang khusus dengan pengurusan aktiviti kokurikulum,serta mempunyai sikap untuk melaksanakan dengan baik dan menempuh cabaran/masalah yang datang dengan kecekapan optimum bagi melahirkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam kurikulum tetapi juga dalam aktiviti kokurikulum.

RUJUKAN

- Aminuddin Yusof. (2000). *Takrif Kokurikulum*. Unpublished paper: Universiti Putera Malaysia.
- Azizah Nordin. (1990). *Mengenalpasti Masalah-masalah Dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum di Tiga Buah Sekolah di Gombak*. Tesis yang tidak diterbitkan: Univeriti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Nordin (1991). *Kokurikulum dan Sumbangan Terhadap Perkembangan Diri Individu Secara Menyeluruh*. Jurnal Pendidikan Guru. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cohen, R. J. (1992). *Psychological Testing and Assesment*. California: Mayfield Publishing Company.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur.
- E Pei Sze (2007). *Persepsi, Minat dan Faktor Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum di Sebuah Sekolah Menengah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan.
- Kerlinger, F.N. (1986). *Foundations Of Behavioral Research: Educational and Psychological Inquiry*. London : Holt, Rinehart and Winston.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) . *Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menegah* .Kuala Lumpur : Kementerian Malaysia.
- Khairiah Warman (2006). *Hubungan Antara Tahap Keaktifan Penglibatan Kokurikulum Pelajar Dengan Pembentukan Asas Kepimpinan- Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan.
- Lee Lai Guan et. al. (1999). *Satu Tinjauan Tahap Keperluan Latihan Guru Pelatih Semasa Menjalani Praktikum - Institut Perguruan Darul Aman*. Jurnal pendidikan. Jilid 2: 37 – 63.
- Mohamad Haris Meon.(1999) . *Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti kokurikulum di Sekolah Menengah Rancangan Felda Daerah Kota Tinggi, Johor*. Tesis yang tidak diterbitkan: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohamad Nor Mohamad Taib. (1990). *Pandangan Pelajar dan Iubapa Terhadap Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah*. Laporan Praktikum sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Mohd Jannes G. Linggau (2000). *Sikap Guru Terhadap Pengurusan Kokurikulum*. Tesis Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof, Borhan Yusof. (2000). *Kokurikulum, Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Sanon Printing.
- Mohd Suzli Abdullah. (1997). *Permasalahan Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan di Daerah Pasir Mas, Kelantan*. Tesis tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Robbins, S.P. (1986). *Organizational Behaviour: Concepts, Controversions and Application*. Ed ke-7. Eaglewood Cliffs. Prentice Hall.
- Yap Eng Keat. (2006). *Kerjasama Guru Terhadap Pengurusan Kokurikulum Dari Aspek Persediaan, Perlaksanaan dan Pengetahuan Aspek Keselamatan di Sekolah Menengah Batu Pahat, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan
- Yusof Boon dan Salina Sabtu (2011). *Kefahaman dan Sikap Guru Terhadap Perlaksanaan Aktiviti Kokurikulum di Tiga Buah Sekolah Menengah di Daerah Pasir Gudang, Johor*. Journal of Education Management, Volume 2. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zainal Sabu.(1999)). *Persepsi guru-guru terhadap perlaksanaan dan penyeliaan kegiatan kokurikulum di sekolah menengah di Negeri Sembilan*. Tesis yang tidak diterbitkan: Universiti Malaya.